



MAJLIS BANDARAYA IPOH

NOTIS TENDER

Tender adalah dipelawa daripada penender yang masih sah berdaftar dengan **LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB), PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR (PKK) DAN TARAF BUMIPUTERA** dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan serta yang masih dibenarkan membuat tawaran bagi melaksanakan kerja-kerja seperti yang berikut:-

(BUMIPUTERA)

Kelas D

Kepala I – Sub Kepala 1
Kepala IV – Sub Kepala 3(b)

SILA KEMUKAKAN:-

i) Sijil Pendaftaran Asal Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Taraf Bumiputera (beserta salinan fotostat sijil-sijil/dokumen-dokumen yang tersebut dan berkaitan).

PERINGATAN:-

i) Pihak Penender hendaklah memastikan bahawa sijil-sijil pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Taraf Bumiputera telah diperbaharui tiga (3) bulan sebelum tarikh tamat tempoh sahlakunya. Pihak Penender juga diminta mengemukakan bukti-bukti berbentuk surat/dokumen sekiranya permohonan tuan/puan masih dalam proses penyediaan dari agensi-agensi terlibat ketika membeli Dokumen-Dokumen Tender Majlis. Kegagalan pihak tuan/puan berbuat demikian menyebabkan pihak Majlis tidak dapat melayan permohonan pembelian tersebut.

TENDER BAGI CADANGAN MENURAP SEMULA JALAN DAN PEJALAN KAKI DI TAMAN ANDA, IPOH.

2. Dokumen Tender boleh didapati dari kaunter Bahagian Bekalan Dan Perolehan, Jabatan Kewangan, Tingkat 1, Majlis Bandaraya Ipoh pada waktu pejabat sahaja.

3. Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada Penender atau wakilnya yang sah sahaja berdasarkan kepada Sijil Pendaftaran Asal (beserta salinan fotostat sijil-sijil/dokumen-dokumen yang tersebut dan berkaitan) dan Surat Wakil (bagi bukan pemegang asal sijil) yang dikemukakan.

4. Bayaran bagi Dokumen Tender hendaklah di dalam Ringgit Malaysia dan di dalam bentuk Wang Pos/Kiriman Wang/Draf Bank/Tunai/Cek sahaja di atas nama **MAJLIS BANDARAYA IPOH**. Bayaran tidak akan dikembalikan.

5. Dokumen Tender akan dijual mulai 1 September 2010 (Rabu) hingga 22 September 2010 (Rabu) dan Waktu Urusan Pejabat adalah seperti berikut:-

ISNIN hingga KHAMIS - 8.00 pagi - 1.00 petang
2.00 petang - 3.45 petang

JUMAAT - 8.00 pagi - 12.00 tengahari
2.45 petang - 3.45 petang

6. Semua Dokumen Tender mestilah dikemukakan dalam sampul surat bermeterai dan dialamatkan kepada Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Ipoh, Peti Surat 1009, 30820 Ipoh dan dimasukkan ke dalam Peti Tender **DI TINGKAT 1, BAHAGIAN BEKALAN & PEROLEHAN, BANGUNAN MAJLIS BANDARAYA IPOH, TIDAK LEWAT DARIPADA 24 September 2010 (Jumaat), pada atau sebelum JAM 12.00 TENGAHARI.**

7. Majlis Bandaraya Ipoh tidak terikat untuk menerima Dokumen Tender yang terendah atau sebarang Dokumen Tender.

8. Pihak Majlis tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang Dokumen Tender yang tidak terdapat di dalam Peti Tender setelah Peti Tender dibuka.

9. **BUKTI PENGHANTARAN BUKAN BUKTI PENERIMAAN.**

10. Laman Web: www.mbi.gov.my

11. HARGA SATU SET DOKUMEN IALAH **RM 200.00**

(DATO' HAJI ROSHIDI BIN HAJI HASHIM)

Datuk Bandar Ipoh

Majlis Bandaraya Ipoh.